



PERANGKAP PEMIKIRAN WASATIYYAH

Pada 17hb lepas, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak telah menyampaikan ucapan di persidangan Antarabangsa Pergerakan Kesederhanaan Global (GMM) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dengan matlamat membawa dunia ke arah kesederhanaan bagi kepentingan sejagat. Di dalam ucapannya di depan 350 delegasi dari lebih 70 negara, Najib menyentuh pelbagai isu berhubung kesederhanaan, termasuk menangani ekstremisme, keganasan dan perbuatan pelampau kewangan yang menyebabkan banyak pihak terjejas dan menderita. Najib juga mengumumkan langkah untuk menerajui usaha memperkembangkan konsep kesederhanaan pada peringkat antarabangsa dengan pelancaran Yayasan Pergerakan Kesederhanaan Global yang baru. Beliau berkata, yayasan itu berfungsi sebagai pusat memulakan penyatuan dan penyebaran maklumat serta bahan kempen kepada semua pihak yang ingin menyertai usaha memerangi ekstremisme, termasuk badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan. Pada peringkat negara pula, Najib mengumumkan penubuhan Institut *Wasatiyyah* yang bertujuan terus menggerakkan pergerakan kesederhanaan dan keseimbangan dalam semua aspek di negara ini [BH 18/01/12].

Istilah "*wasatiyyah*" (jalan tengah atau sikap moderat/serdana) tidak pernah muncul di tengah-tengah kaum Muslimin, kecuali pada masa moden kini. 'Moderat' adalah istilah asing yang bersumber dari Barat dengan ideologi kapitalismenya. Ideologi inilah (Kapitalisme) yang telah membangunkan akidahnya di atas dasar jalan tengah. Konsep jalan tengah itu sendiri merupakan kompromi yang lahir akibat pertarungan atau konfrontasi berdarah di Barat di antara gereja dan para raja/bangsawan di satu pihak dengan para pemikir dan ahli falsafah di pihak yang lain. Pihak pertama memandang agama Kristian sebagai agama yang layak untuk mengatur seluruh urusan kehidupan, sementara pihak kedua memandang bahawa agama Kristian tidak layak untuk itu (kerana agama Kristian dianggap sebagai penyebab kehinaan dan ketertinggalan) dan bahawa akal manusia yang mampu mencipta peraturan yang layak untuk mengatur segala urusan kehidupan. Setelah pertarungan yang sengit di antara kedua belah pihak ini, keduanya bersepakat terhadap suatu jalan tengah, iaitu mengakui kewujudan agama untuk mengatur interaksi manusia dengan Tuhan, tetapi agama (Tuhan) tidak diberi hak untuk turut campur dalam kehidupan. Pengaturan urusan kehidupan diserahkan kepada manusia sepenuhnya. Dari sini, mereka lantas menjadikan idea pemisahan agama dari kehidupan (sekularisme) sebagai akidah bagi ideologi mereka, yakni kapitalisme. Di atas dasar ideologi yang bertumpu pada sekularisme inilah, mereka mampu meraih kebangkitan dan kemudian menyebarkan ideologinya kepada manusia lain melalui jalan penjajahan (imperialisme).

Prinsip *wasatiyyah* atau jalan tengah atau sikap moderat - yang berupa sikap kompromi - yang menjadi landasan akidah mereka (Barat) akhirnya menjadi ciri menonjol dalam setiap hukum atau perilaku penganut ideologi kapitalisme, terutama dalam masalah-masalah politik. Di dalam menyelesaikan sebarang masalah atau konflik, mereka menggunakan konsep *wasatiyyah* ini. Bukan sahaja di dalam negara mereka, malah untuk segala percaturan mereka ke atas negara-negara umat Islam, konsep *wasatiyyah* ini dipergunakan. Dalam masalah Palestin misalnya, kaum Muslimin menuntut agar seluruh bumi Palestin menjadi negeri mereka. Pada saat yang sama, pihak Yahudi mendakwa Palestin sebagai tanah yang dijanjikan Allah bagi mereka, sehingga semuanya adalah milik mereka (Yahudi). Negara-negara kapitalis dan imperialis Barat ini pun kemudian menyodorkan suatu solusi jalan tengah -yang berupa sebuah kompromi- bermula dari tahun 1948 sehinggalah sekarang, iaitu rencana pembahagian tanah untuk mendirikan dua negara di Palestin iaitu satu bahagian untuk orang-orang Arab dan satu bahagian lagi untuk orang-orang Yahudi. Penyelesaian jalan tengah ini tampak jelas pula dalam pelbagai masalah antarabangsa yang dikendalikan oleh negara-negara kapitalis seperti dalam masalah Kashmir, Cyprus, Bosnia dan sebagainya.

Sebahagian kaum Muslimin, yang sepatutnya mengkritik atau membongkar kekeliruan atau kepalsuan idea *wasatiyyah* ini, malah mengambilnya dan menyerukan bahawa idea ini terdapat dalam ajaran Islam. Bahkan Islam, menurut mereka, berdiri di atas prinsip *wasatiyyah*. Mereka selanjutnya menyatakan bahawa Islam itu terletak di antara spiritualisme dan materialisme, di antara individualisme dan kolektivisme, di antara sikap 'realistis' dan 'idealis' serta di antara kemapanan dan perubahan. Lebih jauh, kata mereka, Islam tidak mengenal sikap berlebih-lebihan atau sikap lalai, tidak juga melampaui batas atau kurang dari batas dan begitulah seterusnya. Untuk membuktikan pendapat mereka, mereka lalu melakukan pengkajian terhadap segala fakta yang ada. Mereka menyimpulkan bahawa segala sesuatu mesti mempunyai dua hujung dan satu titik tengah. Titik tengah adalah 'kawasan' yang aman, sementara kedua hujung adalah suatu yang ekstrem iaitu penuh dengan bahaya dan kerosakan. Titik tengah adalah pusat kekuatan serta daerah kesetaraan dan keseimbangan bagi dua hujung. Selama titik tengah atau jalan tengah memiliki keistimewaan-keistimewaan ini, maka tidak pelik, kata mereka, jika

prinsip *wasatiyyah* ini senantiasa tampak dalam setiap segi ajaran Islam.

Setelah melakukan analogi melalui jalan 'rasionalisasi' terhadap hukum-hukum Islam dengan fakta benda-benda yang ada, mereka kemudian mencari bukti lain dalam nas-nas syarak. Setelah mereka jumpai nas-nas tersebut, mereka lantas 'mengalahkan' nas-nas syarak tersebut, lalu kemudian menundukkannya di bawah pemahaman baru mereka agar nas-nas tersebut boleh disesuaikan dengan pendapat mereka. Mereka menggunakan firman Allah SWT, "*Demikian pula, Kami telah menjadikan kalian (umat Islam) sebagai ummatan wasatan agar kalian menjadi saksi atas perbuatan manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas perbuatan kalian*" [TMQ al-Baqarah (2):143]. Berdasarkan ayat ini, mereka mengatakan bahawa kedudukan *wasatiyyah* (pertengahan) umat Islam itu diambil dari metode (*manhaj*) dan peraturan hidup (*nizham*) umat yang bersifat sederhana. Di dalamnya, tidak ada sikap berlebih-lebihan ala Yahudi atau sikap meremehkan ala Nasrani. Mereka turut mengatakan bahawa kata *wasath* ertinya adalah adil. Namun, adil menurut dakwaan mereka adalah pertengahan di antara dua hujung yang saling bertentangan. Dengan demikian, mereka mendefinisikan adil dalam konteks "perdamaian" (*sulh*) demi mendukung prinsip *wasatiyyah* yang mereka lontarkan.

Padahal, makna "*ummatan wasatha*" yang benar di dalam ayat di atas adalah bahawa umat Islam itu merupakan umat yang adil, di mana '*adalah*' (adil) merupakan salah satu syarat seorang saksi dalam Islam. Dengan kata lain, ayat di atas membawa maksud bahawa umat Islam akan menjadi saksi yang adil bagi umat-umat lain (pada hari Kiamat kelak) kerana umat Islam telah menyampaikan risalah Islam kepada mereka. Meskipun berbentuk kalimat *ikhbar* (berita), ayat ini mengandungi *thalab* (tuntutan) dari Allah SWT kepada umat Islam agar menyampaikan Islam kepada umat-umat lain. Jika umat Islam tidak menjalankan tugas ini, maka mereka akan berdosa.

Dengan demikian, umat Islam akan menjadi *hujjah* (saksi yang adil) bagi umat-umat yang lain. Hal ini sama halnya dengan Rasulullah SAW yang kelak akan menjadi *hujjah* (saksi yang adil) ke atas umat Islam kerana baginda telah menyampaikan risalah Islam kepada mereka. Sebagaimana firman Allah SWT, "...supaya Rasul

itu menjadi saksi atas diri kalian” [TMQ al-Hajj (22):78]. Ayat ini menerangkan bahawa Rasulullah SAW akan menjadi *hujjah* atas umat Islam pada hari Kiamat nanti kerana baginda telah menyampaikan risalah Islam kepada mereka. Rasulullah SAW juga telah memerintahkan umat Islam untuk menyampaikan risalah Islam kepada umat yang lain [Untuk mengetahui perbincangan lanjut tentang makna *ummatan wasatha* di dalam ayat di atas, sila rujuk **SN147 Islam -vs- Islam Moderat** atau layari <http://www.mykhilafah.com/sautun-nahdhah/345-sn147-islam-vs-islam-moderat>].

Selain dari dalil di atas, golongan yang menyeru kepada *wasatiyyah* (kesederhanaan) juga berdalil dengan firman Allah SWT, “(Hambahamba Allah yang baik adalah) orang-orang yang jika membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak pula kikir, pembelanjaan itu berada di tengah-tengah yang demikian itu” [TMQ al-Furqan (25):67]. Berdasarkan ayat ini, mereka menetapkan bahawa dalam konteks pembelanjaan harta (*infak*), ada dua hujung iaitu berlebih-lebihan (*israf*) dan kikir/bakhil (*taqtir*). Mereka lalu menetapkan bahawa kita mesti bersederhana dalam *infak*, iaitu dengan mengambil sikap pertengahan (*qawam*). Ayat ini, menurut pandangan mereka, adalah dalil mengenai wajibnya *wasatiyyah* (sederhana) dalam berinfak.

Mereka tidak memahami bahawa makna ayat di atas sesungguhnya menjelaskan bahawa terdapat tiga bentuk dalam berinfak iaitu (i) berlebih-lebihan (ii) kikir dan (iii) pertengahan (sederhana). Berlebih-lebihan (*israf/tabdzir*) adalah tindakan membelanjakan harta dalam perkara-perkara yang haram, baik sedikit mahupun banyak. Jika seseorang membelanjakan harta walaupun satu dirham sahaja untuk membeli arak atau untuk berjudi atau untuk rasuah, maka tindakan demikian sesungguhnya termasuk tindakan *israf* (berlebih-lebihan) dan hukumnya adalah haram. Adapun *taqtir* (kikir/bakhil) adalah tindakan mencegah diri dari menginfakkan harta dalam perkara yang wajib. Ini bererti, misalnya, seseorang yang tidak membayar satu dirham dari ketentuan zakat mal yang wajib dikeluarkannya atau tidak menafkahi orang-orang yang wajib dia nafkahi, maka ini adalah tindakan *taqtir* dan hukumnya adalah haram.

Sementara itu, *infak* yang pertengahan (*qawam*), adalah membelanjakan harta dengan cara yang sesuai (tidak menyalahi) tuntunan syarak, baik sedikit mahupun banyak. Contohnya, memuliakan seseorang tetamu dengan menghidangkan seekor ayam atau seekor kambing atau pun seekor unta, adalah *infak* yang bersifat *qawam* (pertengahan). Hukumnya adalah halal kerana berdasarkan firman Allah SWT, “...di tengah-tengah yang demikian itu...” [TMQ al-Furqan (25):67]. Inilah makna dari ayat ini di mana ia menunjukkan adanya tiga jenis *infak* iaitu *israf* (berlebih-lebihan), *taqtir* (kikir) dan *qawam* (pertengahan). Dua jenis *infak* adalah salah manakala satu jenis lagi adalah dituntut oleh syariat iaitu yang pertengahan (*qawam*). Perlu difahami di sini bahawa di dalam ayat tersebut Allah SWT tidak menyebut “*baina zalikuma*” (di antara keduanya) untuk menunjukkan pertengahan di antara dua hal yang berbeza.

Oleh yang demikian, di dalam Islam, tidak ada yang namanya konsep *wasatiyyah* (sederhana/moderat atau kompromi atau jalan tengah). Ini kerana, Allah SWT (Yang menciptakan manusia dan mengetahui hakikat manusia dengan suatu pengetahuan yang tidak mungkin diketahui oleh manusia itu sendiri) adalah satu-satunya Dzat Yang mampu mengatur kehidupan manusia secara saksama yang tidak akan mungkin dapat dilakukan oleh seorang manusia pun.

Hukum-hukum Allah datang dengan batas-batas yang jelas dan tegas. Tidak terdapat *wasatiyyah* di dalam menjalankan hukum Allah. Ini kerana, sememangnya tidak boleh bersikap *wasatiyyah* (sederhana, kompromi atau jalan tengah) dalam mengaplikasikan nas-nas dan hukum-hukum Islam. Bahkan sebaliknya, pelbagai nas dan hukum Islam sangatlah tepat, jelas dan terang batas-batasnya sehingga Allah SWT menamakannya dengan *hudud* (batas-batas) kerana ketepatan dan kejelasannya. Firman Allah SWT, “*Itulah hudud (hukum-hukum) Allah, diterangkanNya kepada kaum yang (mahu) mengetahui*” [TMQ al-Baqarah (2):230]. FirmanNya yang lain “*Siapa sahaja yang mendurhakai (memaksiati) Allah dan*

RasulNya serta melanggar hudud (ketetapan-ketetapanNya) nescaya Dia akan memasukkannya ke dalam api neraka, sedangkan ia kekal di dalamnya” [TMQ an-Nisa’ (4):14]. Sesungguhnya hukum-hukum Allah itu sudah ditentukan dan wajib dilaksanakan sebagaimana yang diperintahkanNya. Hukum bagi pezina sebagai contoh adalah disebat 100 kali. Tidak boleh ada konsep *wasatiyyah* (sederhana) di mana hukum zina ini dikurangkan kepada 50 kali atau 6 kali. Begitu juga dengan hukum menutup aurat bagi Muslimah di mana tidak ada konsep *wasatiyyah* yang membolehkan seseorang Muslimah ‘bersederhana’ di dalam berpakaian. Seseorang Muslimah wajib menutup aurat dengan memakai tudung dan jilbab sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Begitu jugalah dalam hal dakwah di mana kita wajib mencontohi dakwah Rasulullah SAW yang tidak pernah berkompromi dengan orang-orang kafir di dalam menegakkan agama Allah. Cuba kita fikirkan di manakah sikap *wasatiyyah* (moderat/sederhana) Rasulullah SAW kepada bapa saudaranya, Abu Thalib, ketika kaum kafir Quraisy menawarkan kepada baginda pangkat, harta dan kehormatan agar baginda meninggalkan dakwah Islam? Apa yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW pada waktu itu justeru merupakan sikap tegas, tanpa bersederhana, tanpa kompromi dan tanpa jalan tengah. Sabda Rasulullah SAW “*Demi Allah, wahai bapa saudaraku, andaikata mereka meletakkan matahari di tangan kananku dan bulan di tangan kiriku agar aku meninggalkan perkara ini (dakwah Islam), sungguh aku tidak akan meninggalkannya sampai Allah memenangkan aku atau aku mati kerananya!*” Di mana pula sikap *wasatiyyah* Rasulullah SAW kepada kabilah Bani Amir bin Sa’sa’ah ketika mereka meminta kekuasaan daripada baginda sekiranya baginda meninggal, sebagai balasan dari pertolongan yang mereka berikan kepada baginda? Pada waktu itu, Rasulullah SAW langsung tidak menunjukkan sikap moderat dan dengan tegas menyatakan, “*Perkara ini (kekuasaan) adalah milik Allah dan Dia akan memberikannya kepada siapa sahaja yang dikehendakiNya*”.

Khatimah

Sesungguhnya konsep *wasatiyyah* adalah satu konsep yang tidak pernah ada di dalam Islam. Idea semacam ini disusupkan ke dalam ajaran Islam oleh kuffar Barat dan ejen-ejennya dari kalangan kaum Muslimin. Tujuannya adalah untuk membelokkan kefahaman kaum Muslimin dari pelbagai ketentuan dan hukum Islam yang telah jelas batas-batasnya. Jika dulu mereka memasarkan idea ini kepada kaum Muslimin atas nama keadilan dan toleransi, kini, mereka menajaja idea ini dalam usaha mereka untuk menghapuskan apa yang mereka label sebagai ekstremisme dan terorisme. Dalam keadaan hari ini di mana Barat telah melancarkan pelbagai bentuk peperangan ke atas umat Islam baik perang pemikiran mahupun perang fizikal, maka Barat mempropaganda konsep moderat (*wasatiyyah*) ini habis-habisan agar kaum Muslimin terus tunduk kepadanya. Barat sangat takut dengan kebangkitan umat Islam yang menyeru kepada penerapan Islam secara *kaffah*, apatah lagi apabila umat Islam menyeru kepada Negara Khilafah.

Oleh yang demikian, Barat telah melabelkan kesemua gerakan Islam yang bergerak ke arah ini sebagai gerakan ekstremis dan teroris. Barat sungguh takut sekiranya umat Islam bersatu dan melancarkan jihad terhadap mereka. Untuk mencegah semua ini dan dalam rangka memastikan kesemua pemimpin, tokoh-tokoh Islam dan gerakan Islam terus berada di bawah ketiaknya, maka Barat menyuapkan idea “moderate/sederhana” sebagai lawan kepada ekstremisme. Idea moderat ini lalu ditelan bulat-bulat oleh para pemimpin dan tokoh-tokoh Islam ini. Malah, dalam rangka “mengIslamkan” idea moderat yang disenangi oleh Barat ini, maka para pemimpin dan tokoh-tokoh Islam ini menjenamakannya dengan istilah arab “*wasatiyyah*”, kemudian mereka kembangkan konsep ini kepada *wasatiyyah* dalam ibadat, *wasatiyyah* dalam muamalat, *wasatiyyah* di dalam dakwah, *wasatiyyah* di dalam politik, *wasatiyyah* di dalam gaya hidup dan sebagainya. Mereka menjadikan konsep *wasatiyyah* ini sebagai ukuran baru di dalam agama dan hidup mereka, malah menjadikannya sebagai sebuah perjuangan serta menyeru seluruh umat Islam agar memperjuangkan konsep yang diredhai oleh Barat ini. *Na’uzubillah min zalik*.